

**Siringan Tak Akan Tanding Dua Jawatan Utama UPKO
Bernama
27 Aug, 2013**

KOTA KINABALU, 27 Ogos (Bernama) -- Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Negeri Datuk Siringan Gubat tidak akan bertanding bagi merebut dua jawatan tertinggi pada pemilihan Pertubuhan Pasokmologun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) akan datang.

Bagaimanapun, Naib Presiden UPKO itu berkata beliau sedia bertanding mana-mana jawatan lain, sekiranya dicalonkan.

"Saya tidak akan bertanding untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UPKO. Jawatan Naib Presiden sekarang inipun bukanlah dipertandingkan tetapi saya dilantik," katanya kepada pemberita pada pelancaran Festival Filem Digital Pendidikan Negeri Sabah kali ke-5 di sini Selasa.

Mengulas kenyataan Bendahari Agung UPKO Datuk Marcus Mojigoh dan Naib Presiden UPKO Datuk Wences Angang yang mahu Tan Sri Bernard Dompok kekal menjadi Presiden tanpa bertanding, Siringan berkata semua pihak dalam parti bebas menyuarakan pendapat serta pandangan masing-masing.

Beliau memilih untuk tidak mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung perkara itu.

"Terserahlah kepada ahli di peringkat cawangan untuk memilih pemimpin bagi memegang jawatan Majlis Tertinggi parti. Sebenarnya, jawatan Presiden hingga ke peringkat cawangan bebas untuk dipertandingkan kepada semua memandangkan secara tradisi, setiap pemilihan akan dijalankan secara demokrasi," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=973167>